

14 NOV 1999

Sulaiman-India

JADIKAN JALAN MASJID INDIA SEPERTI "CHINATOWN", KATA SULAIMAN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Semua pengusaha perniagaan di Jalan Masjid India di sini perlu bekerjasama dalam usaha menarik lebih ramai pengunjung terutama dari Timur Tengah dan India bagi menjadikan kawasan terbabit setanding dengan Jalan Petaling yang dikenali sebagai "Chinatown" di sini.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Dr Sulaiman Mohamed berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam laporannya menyebut mengenai kedatangan ramai pelancong dari India dan China ke Malaysia tahun depan.

Katanya jika Jalan Petaling mampu menarik pelancong dan kaum Cina, maka Jalan Masjid India perlu mampu juga menarik kaum dan pelancong dari India.

"Kesesuaian suasana untuk pelancong berkenaan perlu difikirkan kerana mereka ingin melihat sebuah negara (kita) yang dikatakan lebih menarik berbanding Singapura, Indonesia dan Thailand," katanya.

"Satu cadangan komprehensif yang boleh menarik lebih ramai pelancong ke kawasan tersebut perlu difikirkan bersama oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pihak-pihak berkuasa tempatan serta pemilik-pemilik gedung perniagaan di kawasan itu," katanya semasa merasmikan Kem Kesihatan `99 yang dianjurkan oleh Pergerakan Belia India Muslim (Gepima) di sini, hari ini.

Sulaiman berkata beliau bangga apabila jalan itu yang menjadi pusat kegiatan perniagaan, turut mempunyai pergerakan belia yang peka dan mengambil berat mengenai kesihatan dengan menganjur kem kesihatan untuk masyarakat.

Katanya walaupun proses perbandaran seringkali tidak mengizinkan individu saling bergantung antara satu sama lain, tetapi melalui kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Gepima itu jelas menampakkan hubungan anggota masyarakat masih rapat.

"Saya tak ragu-ragu untuk memberi peruntukan RM5,000 atau RM10,000 kalau Gepima dapat terus mengatur aktiviti dari semasa ke semasa untuk kepentingan orang ramai terutamanya golongan belia bagi menangani masalah sosial," katanya.

Menurutnya jika kegiatan sosial yang pincang itu datang daripada kaum belia, maka adalah menjadi tugas pergerakan belia sendiri membetulkannya.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding dalam pilihan raya ini, Sulaiman yang juga Pengerusi Barisan Nasional Wilayah Persekutuan berkata, beliau menyerahkannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi kejayaan program Berjalan Untuk Negara pada 6 Nov lepas merupakan petanda baik bahawa Wilayah Persekutuan yang saya jaga ini akan menang semua kawasan Parlimen dalam pilihan raya nanti," katanya.

-- BERNAMA

NHA LAT